



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 13 JULAI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	CENDAWAN ALTERNATIF DEDAK JAGUNG, GAYA INOVASI -26	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2. 3. 4. 5. 6. 7.	TERNAK AYAM, BABI DALAM SATU LADANG, NASIONAL, SH -10 LEBIH 40 LEMBU MATI DISYAKI DIRACUN, NEGERI KEDAH, SH -25 LADANG BABI BELA AYAM PEDAGING LANGGAR PERATURAN: DVS, LOKAL, HM -19 43 EKOR LEMBU MATI DIPERCAYAI MINUM AIR BERACUN, DALAM NEGERI, UM -33 43 EKOR LEMBU MATI SELEPAS MINUM AIR PARIT, NEGARA, KOSMO -16 LADANG BABI, AYAM DALAM KAWASAN SAMA DIKOSONGKAN, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
8.	STUDY ON FOOD SECURITY AGENCY ONGOING, NEWS, THE SUN -2	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9. 10. 11. 12. 13.	WUJUD KUOTA BELI PADI KEKANG MONOPOLI, NASIONAL, BH -19 AKTIVITI PERTANIAN DI KELANTAN FOKUS PENJAGAAN ALAM SEKITAR, DARUL NAIM, HAKAKAH -H22 KERAJAAN NEGERI PERUNTUK RM270,000 SEDIA TUKUN TIRUAN, DARUL NAIM, HAKAKAH -H22 USAHAWAN TANI TINGKAT SOSIEKONOMI VETERAN ATM, BISNES, SH -29 BUKTI USAHAWAN TANI BUKAN KERJA 'KAMPUNG', LOKAL, HM -7	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

13/7/2023

UTUSAN
MALAYSIAGAYA
INOVASI

26

Cendawan alternatif dedak jagung

MAKANAN dedak cendawan dihasilkan sebagai alternatif kepada haiwan ternakan, dijayakan menerusi penanaman cendawan tiram di bawah infrastruktur solar Photovoltaic (PV), Universiti Putra Malaysia (UPM). Inovasi dikenali sebagai MyShroomFeed itu bertujuan membantu menyelesaikan keresahan penternak tempatan dalam

usaha mengurangkan kebergantungan terhadap produk import.

Ketua projek, Ir. Dr. Mohammad Effendy

Ya'acob berkata hampas akar cendawan tiram dan bongkahnya adalah sebagai alternatif menggantikan dedak haiwan ternakan iaitu ayam, itik, arnab dan kambing memandangkan nilai nutrisi terutama *Crude Protein* (CP) yang tinggi dan

tempoh tuaian cendawan juga adalah singkat.

"Tempoh tuaian cendawan tiram ialah tujuh hari selepas bongkah matang. Kaedah berbanding jagung bijirin yang memerlukan sekitar 120 hari tempoh penanaman," katanya yang menjelaskan, penyelidik UPM turut membangunkan *Agrivoltaic Mushroom Tunnel* yang merupakan inovasi pertama

di dunia bagi penanaman cendawan tiram berskala besar di bawah infrastruktur solar.

Potensi penanaman cendawan tiram di Ladang Solar Puchong bersama dua hektar adalah sekitar 600,000 unit bongkah dengan hasil tuaian mencecah 60 tan yang diagihkan kepada 10 zon penanaman.

Sementara itu, Naib

Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, berkata penghasilan MyShroomFeed yang sedang diusahakan penyelidik itu turut mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Majlis perasmian Integrated Agrivoltaic Trail, dilakukan Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin baru-baru ini.

Ternak ayam, babi dalam satu ladang

DVS keluar notis pengosongan terhadap pemilik ladang babi di Pulau Pinang

Oleh **TUAN BUQHAI RAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA**

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengeluarkan notis pengosongan kandang, penutupan dan pemberhentian operasi terhadap sebuah ladang babi di Pulau Pinang yang menernak ayam pedaging di kawasan sama.

DVS dalam kenyataan pada Rabu memaklumkan, DVS Pulau Pinang telah mengadakan operasi bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSBSP) bagi menyalak aduan tular berkenaan.

Menurutnya, kompaun RM7,500 atau denda RM30,000 atau penjara tiga tahun tertakluk kepada timbalan pendakwa raya turut dikeluarkan di bawah Enakmen Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2016.

Tindakan itu diambil selepas ladang babi terlibat didapati melanggar Peraturan-Peraturan Pelesenan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020, iaitu Peraturan 19 (1) yang menyatakan bahawa semua spesies haiwan dan unggas lain tidak dibenarkan dipelihara di ladang babi.

"Ladang berkenaan berdaftar dengan DVS tetapi tidak mempunyai lesen untuk beroperasi kerana tidak mematuhi peraturan di bawah pelesenan yang menetapkan semua ladang babi perlu menaiki taraf kepada sistem kandang tertutup dan zero discharge iaitu tiada sisa kumbahan terlepas ke parit awam," kata jabatan itu.

Satu notis arahan turut dikeluarkan kepada pemilik ladang



Tangkap layar video memaparkan ayam dan babi diternak di dalam kawasan yang sama dipercayai di sebuah ladang babi di Pulau Pinang.

untuk mengosongkan ayam pedaging dari ladang babi berkenaan dalam tempoh tujuh hari.

"DVS mendapati ayam pedaging hidup yang diternak di ladang berkenaan tidak dihantar ke mana-mana rumah sembelihan dan hanya dijual di pasaran Islam serta tidak melibatkan penjualan ke lokasi lain," jelasnya.

Tegas jabatan itu, bagi memastikan perkara tersebut tidak berulang, semua ladang babi akan diperiksa bagi memastikan tiada spesies haiwan dan unggas ditermak secara komersial di semua ladang berkenaan.

"DVS turut akan mengeluarkan surat peringatan kepada semua (pengusaha) ladang babi agar mematuhi peraturan pe-

lesenan ternakan," jelasnya.

Dalam pada itu, DVS memohon supaya penyebaran video yang tular dihentikan bagi mengelakkan kerisauan dalam kalangan orang awam.

Sejak Ahad lalu, tular video berdurasi 23 saat yang memaparkan sebaris kandang ayam diletakkan berdekatan dengan kandang babi di lokasi tersebut.

13/7/2023

SINAR
HARIANNEGERI
KEDAH

25

Lebih 40 lembu mati disyaki diracun

Penternak rugi besar, berlaku sejak seminggu lalu

Oleh **SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA SUNGAI PETANI**

Beberapa penternak di Kampung Sungai Tok Pawang, Bedong di sini rusinggus memikirkan lebih 40 ekor lembu mati sejak seminggu lalu disyaki keracunan menyebabkan kerugian mencecah RM200,000.

Penternak, Thines Krishnan, 32, mendakwa, kesemua lembu yang mati kebanyakan masih kecil iaitu berusia antara beberapa bulan hingga lima tahun.

Dia yang menernak lembu bersama beberapa rakan lain mendakwa, antara simptom yang dikesan terhadap haiwan ter-

nakan itu termasuk hilang selera makan, tidak aktif, keluar lendiran cecair dari mulut dan perubahan pada najis.

"Sedih melihat seekor demi seekor jatuh sakit setiap hari dan mati dalam keadaan berbuai di mulut dan keluar darah melalui hidung, perut pula kembung, mungkin keracunan lepas minum air di sungai," dakwanya.

Justeru, dia mengesakan agar siasatan serajanya dilakukan kerana lebih 60 tahun keluarganya menjalankan kegiatan pertanian sehingga kini generasi ketiga, ini kejadian pertama berlaku.

"Selepas melihat banyak yang sakit, kami kuarantin beberapa hari dan hanya benarkan meragut rumput di kawasan berdekatan berbanding pada hari kebiasaan membabitkan keluasan kira-kira 60,000 meter persegi.

"Walaupun pergerakan dikawal dan pemakanan dijaga, masih ada yang mati setiap hari



Keadaan lembu didakwa mengalami simptom kurang aktif, keluar lendiran cecair dari mulut dan hilang selera makan.



Keadaan bangkai anak lembu yang ditemukan pada Selasa.

kini lebih 40 ekor sudah mati," katanya.

Yugesh berkata, kesemua lembu yang ditemak berjumlah 67 ekor dan kini berbaki lebih 20 ekor sahaja.

"Baki lembu yang tinggal yang didapati sakit sudah diberikan rawatan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar, tetapi kita masih bimbang jika jumlah kematian meningkat," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Zaidy Che Hassan

mengesahkan menerima laporan bertubung kejadian.

Menurutnya, laporan polis diterima pada 8 Julai lalu memaklumkan sebanyak 18 ekor lembu telah mati ketika itu, namun jumlah bertambah sehingga kini mencecah lebih 40 ekor.

"Penternak memang perasan lembu nampak tak sihat dan telah rujuk kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Sampel telah diambil dan kini menunggu laporan daripada hasil siasatan mereka," jelasnya.

Ladang babi bela ayam pedaging langgar peraturan: DVS

Putrajaya: Satu ladang babi di Seberang Perai, Pulau Pinang yang tular sebelum ini kerana menternak haiwan itu bersama ayam pedaging di dalam satu kawasan yang sama, didapati melanggar Peraturan-Peraturan Pelenaan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020, menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

DVS dalam satu kenyataan semalam memaklumkan DVS Pulau Pinang mengadakan operasi bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi menyiasat aduan tular berkenaan mengesahkan ladang itu menternak babi bersama ayam pedaging di dalam satu kawasan yang sama.

DVS memberitahu ladang itu melanggar Peraturan 19 (t) yang menyatakan semua spesies haiwan dan unggas lain hendaklah tidak dibenarkan dipelihara di ladang babi.

"Satu notis arahan dikeluarkan kepada pemilik ladang untuk mengosongkan ayam pedaging dari ladang

dalam tempoh tujuh hari," jelas DVS. Melalui operasi dijalankan, DVS menyatakan akan ayam pedaging hidup yang ditenak di ladang terbabit tidak dihantar ke mana-mana rumah sembelihan dan hanya dijual di pasaran bukan Islam dan tidak membolehkan penjualan ke lokasi lain.

“Notis kosongkan ayam pedaging dari ladang babi dalam tempoh tujuh hari”

Kenyataan DVS Pulau Pinang

Menurut DVS, ladang babi terbabit berdaftar dengan Jabatan itu, tetapi tidak mempunyai lesen beroperasi kerana tidak mematuhi peraturan di bawah pelesenan yang menetapkan semua ladang babi perlu menaik taraf kepada sistem kandang tertutup dan melepaskan sifir iaitu tiada sisa kumbahan terlepas ke parit awam.

Ekoran itu, Notis Pengosongan Kandang, Penu-tupan dan Pemberhentian Operasi dikeluarkan kepada ladang terbabit.

Satu kompaun di bawah Enakmen Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2016 juga dikeluarkan kepada ladang terbabit dan membawa ke-pada kompaun sebanyak RM7,500 atau denda RM30,000 atau/dan penjara tiga tahun tertakluk kepada Timbalan Pendakwa Raya, menurut kenyataan itu.

Bagi memastikan perkara itu tidak berulang, DVS

menjelaskan semua ladang babi akan diperiksa untuk memastikan tiada spesies haiwan dan unggas diternak secara komersial di semua ladang babi.

Surat peringatan juga akan dikeluarkan kepada semua ladang babi agar mematuhi peraturan pelesenan ternakan babi.

DVS dalam pada itu juga meminta agar video berkenaan dibentangkan penulrannya bagi mengelakkan ke-risauan kepada orang awam.

- Bernama

13/7/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

38

43 ekor lembu mati dipercayai minum air beracun

Oleh **ABD. RAZAK OSMAN**
utusannews@mediamallia.com.my

SUNGAI PETANI: Empat penternak rugi hampir RM200,000 apabila 43 ekor lembu milik mereka mati dipercayai minum air yang mengandungi racun dari sebuah ladang kelapa sawit di Kampung Toh Pawang, Bedong di sini.


Seorang penternak, K. Thines, 35, berkata, dia menyedari kejadian itu setelah seekor daripada ternakannya ditemukan mati berhampiran parit kecil kira-kira pukul 7 petang, Rabu minggu lalu.

"Seekor lagi lembu mati sejang sejam kemudian dan sehingga Sabtu lalu sahaja sebanyak 18 ekor lembu dijumpai mati dengan mulut berbuih.

"Pegawai di Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Daerah Kuala Muda juga mengesahkan lembu itu mati kerana teracun," katanya ketika ditemui semalam.

Justeru, Thines meminta pihak berkaitan menjalankan siasatan terhadap kejadian itu setelah satu laporan polis turut dibuat di Balai Polis Bedong, di sini.

Seorang lagi penternak, N. Yuges, 25, berkata, kebanyakan lembunya yang mati dalam kejadian itu berusia antara seta-



LEMBU yang mati ditanah pemiliknya di Kampung Sungai Toh Pawang, Bedong, Sungai Petani, Kedah.

hun hingga lima tahun.

"Kami dapati semua lembu yang mati telah minum air bukit tidak jauh dari kandang. Kesemua haiwan ini dilepaskan untuk mencari makanan mulai pukul 10 pagi hingga 6.30 petang," katanya.

S. Sannugam, 57, berkata, ia kali pertama kes lembu mati akibat teracun air dari bukit yang mengandungi racun.

"Kami bimbang jika siasatan tidak dilakukan akan mengulangi kejadian sama sekiranya kami menternak lembu di ka-

wasan ini," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Zaidy Che Hassan mengesahkan menerima laporan tersebut dan kes berkenaan telah dirujuk kepada JPV bagi menunggu siasatan selanjutnya.

Study on food security agency ongoing

KUALA LUMPUR: The Agriculture and Food Security Ministry, through the Federal Agriculture Marketing Authority (Fama), is conducting an in-depth study on the workings of a special food security agency, said its Deputy Minister Chan Foong Hin.

He said the matter is still under discussion as food security is a cross-dimensional subject concerning not only the ministry but also the Domestic Trade and Cost of Living Ministry and others.

"Hence, when it comes to a special agency, it involves a paradigm change.

"As of now, Fama is doing a study on how this single agency should function. It is still under discussion and it has also gone through a series of meetings, but nothing has been finalised yet."

He said this after launching the Malaysian International Food and Beverage (MIFB) Trade Fair at the Kuala Lumpur Convention Centre yesterday.

At the Dewan Negara sitting on June 20, Chan said the ministry is looking into a proposal to set up a special agency to improve food security as a national agenda, which was one of the initiatives discussed at a National Council on Cost of Living meeting earlier this year.

He said such an agency should encompass elements of availability, accessibility, food security, stability and sustainability, Bernama reported.

Chan said MIFB serves as a platform for showcasing the best of what Malaysia has to offer as well as the latest trends and innovations in the international food and beverage industry.

"This is why platforms like MIFB are all the more valuable, standing as a testament to Malaysia's commitment to advancing our agriculture and food industries."

"Together, we can drive growth, enhance competitiveness and ensure food security for our nation and beyond."

He also urged attendees of the trade fair to engage in discussions, network with industry leaders and explore the range of products and services on offer.

Wujud kuota beli padi kekang monopoli

Jerlun: Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM) menggesa kerajaan campur tangan dalam menentukan sistem kuota pembelian padi bagi mengekang kegiatan monopoli pengeluaran besar dan mengawal kenaikan harga beras.

Pengerusinya, Mohamad Termizi Yop, berkata ketika ini pihaknya yang juga pengilang kecil beras tidak mampu bersaing dengan pengilang besar sehingga menyebabkan ada ahli yang terpaksa menutup operasi kilang.

Beliau berkata, ketiadaan sistem kuota pembelian menyebabkan hanya 10 pengilang kecil beras dapat meneruskan operasi di seluruh negara ketika ini, berbanding 103 asalnya.

"Kita tidak mampu bertahan kerana had pembelian maksimum padi daripada pesawah adalah 1,000 tan semusim, tetapi kami hanya mampu dapat beli sekitar 600 tan dan jumlah itu tidak mencukupi.

"Berlaku monopoli padi oleh kilang besar yang menjejaskan operasi kilang kecil sehingga wujudnya kartel yang boleh menentukan bekalan serta harga padi dan beras semasa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Kilang Beras Osmani Permatang Paku, Ayer Hitam, di sini, semalam.

Mohamad Termizi berkata, kenaikan harga beras ketika ini adalah disebabkan tiada had kawalan kuota belian-padi me-



Pengurus Kilang Beras Osmani, Badrul Munir Ahmad Sukri (kiri) menunjukkan keadaan kilang kepada Mohamad Termizi pada sidang media di Kilang Beras Osmani, Permatang Paku, Ayer Hitam, semalam. (Foto Syaharim Abidin/BH)

hasil kepada pengilang tertentu menyebabkan kos pengeluaran beras meningkat," dakwanya.

Beri peluang kilang Melayu
Mohamad Termizi turut mendesak kerajaan menggunakan beras tempatan sebagai stok beras negara dan bukan menyimpan stok beras import seperti yang dilakukan ketika ini.

Katanya, kebergantungan kepada beras import sebagai stok

negara turut memberi kesan harga beras sekiranya negara pembekal menaikkan harga mereka.

"Kerajaan tidak sepatutnya menggunakan beras import sebagai stok beras.

"Sudah tiba masanya untuk melantik dan memberi peluang kepada kilang Melayu sebagai pembekal beras, bukannya bergantung sepenuhnya kepada beras import," katanya.

Kerajaan negeri peruntuk RM270,000 sedia tukun tiruan

PASIR PUTEH: Bagi melestarikan alam sekitar khususnya hidupan laut yang menjadi sumber makanan utama rakyat kerajaan negeri melaksanakan program Melabuh Tukun Tiruan Konservasi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, sebanyak 11 tukun diturunkan ke laut sejauh 5.2 batu nautika dari persisiran Pantai Tok Bali.

Katanya bagi tahun 2023 kerajaan negeri memperuntukkan RM270,000 untuk menyediakan tukun tiruan.

“Tujuh tukun lagi diturunkan ke dasar laut di perairan Kuala Besar pada 11 Julai lepas,” katanya pada program tersebut Isnin lalu.

Program terbahit di-



Mohd Amar Abdullah melancar program menurunkan tukun tiruan.



Misi melabuh tukun tiruan konservasi.

lancar Timbalan Menteri Besar Dato' Mohd Amar Abdullah.

Tuan Mohd Saripudin juga berkata, inisiatif pelaburan jangka masa aktiviti pukat tunda.

Aktiviti pertanian di Kelantan fokus penjagaan alam sekitar



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail bersama peserta Karnival Alam Hijau Sejahtera.

PASIR PUTEH: Kerajaan negeri mengutamakan penjagaan alam sekitar dalam aktiviti pertanian, perikanan dan penternakan bagi melahirkan masyarakat yang peka dan sayang kepada alam sekitar.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, usaha itu turut dilakukan dengan kerjasama agensi kerajaan

dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar dan pertanian. “Langkah itu selaras dengan dasar Merakmatkan Membangun Bersama Islam (MBMI),” katanya pada perasmian Karnival Alam Hijau Sejahtera di Dataran Al-Barakah, Tasik Pauh baru-baru ini. Menurutnya juga program terbahit menedahkan dan memupuk semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan masyarakat.

Kata beliau pendedahan karnival terbahit diharapkan membolehkan pelbagai lapisan masyarakat memahami kepentingan menjaga alam sekitar. “Apa yang penting dapat meningkatkan kesedaran sivik dalam diri kita.

“Selain tambah ilmu, kita juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara pemimpin dengan setiap anggota masyarakat,” katanya yang juga bekas Adun Selising.

TUKARAN ASING

MATA WANG	BELIAN	JUALAN
1 DOLAR AS	4.648	4.654
1 EURO	5.1226	5.131
1 DOLAR SINGAPURA	3.4725	3.4783
1 POUND UK	6.0103	6.0195
100 RIYAL SAUDI	123.9004	124.0736
100 RUPIAH INDO	0.0308	0.0309

Selain kerjaya kedua, ia turut membantu keterampilan makanan negara

SERDANG

Program Usahawantani Putera-Perhebat yang dilancarkan sejak Mac lepas mampu meningkatkan sosioekonomi golongan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Timbalan Menteri Pertahanan, Adly Zahari berkata, program kolaborasi antara Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) berasaskan latihan



ADLY

dan bimbingan berstruktur dalam bidang pertanian dan penternakan adalah khusus untuk anggota ATM yang akan bersara dan veteran.

Menurutnya, program itu berperanan sebagai lonjakan kerjaya kedua kepada kumpulan sasar selain menyokong inisiatif kerajaan memperkasa keterampilan makanan negara.

"Ia bertepatan dengan matlamat Kertas Putih Pertahanan (KPP) untuk memartabatkan sosioekonomi veteran melalui program latihan dan peluang kerjaya kedua," katanya selepas membuat lawatan kerja ke tapak program Usahawantani Putera-Perhebat di Pusat Pertanian Putra-UPM Serdang pada Selasa.

Usahawantani tingkat sosioekonomi veteran ATM



Program usahawantani sejajar matlamat Kertas Putih Pertahanan (KPP) untuk memartabatkan dan kemampanan sosioekonomi veteran ATM. - Gambar fail

Adly berkata, program itu ditawarkan dalam dua kategori iaitu bakal pesara ATM dan veteran ATM di mana untuk bakal pesara, mereka perlu mengha-

biskan latihan dalam industri untuk tempoh antara tiga hingga lima bulan.

"Bagi veteran ATM, ia terbuka kepada veteran yang bermi-

nat untuk mengusahakan pertanian berkelompok sebagai kerjaya dengan mengusahakan tapak pertanian di UPM Serdang," jelasnya. - Bernama

18/7/2023

HARIAN
METRO

LOKAL

7

Nilai: Petani moden, Mohd Shah Safiq Hamran membuktikan usahawan tani bukannya profesion 'kampung' sebaliknya mampu mengubah nasib keluarga dengan memperoleh pendapatan lumayan.

Hanya dalam tempoh setahun, usahawan tani muda berusia 25 tahun itu mampu menjana pendapatan lebih RM10,000 sebulan dengan mengusahakan tanaman pelbagai sayuran di tanah seluas 4.04 hektar di Batu Kikir, Jempol.

Penuntut terbaik keseluruhan Kolej Universiti Agrosains (UCAM), institusi pengajian tinggi swasta (IPITS) milik penuh Pihak Berkuasa Kemajuan Peking Kecil Perusahaan Getah (Risda) itu berkata, kejayaannya didorong oleh bantuan kerajaan termasuk pinjaman perniagaan dan kursus keusahawanan untuk mengembangkannya dalam sektor pertanian.

"Saya menjalankan pertanian secara berkelompok di tanah kerajaan. Antara kaedah moden yang digunakan ialah dron serta teknologi lain untuk memastikan produktiviti berjalanan lancar.

"Saya bukan daripada keluarga senang, kejayaan ini berkat sokongan ibu dan abang...semasa belajar mereka adalah 'tulang belakang' namun abang telah meninggal dunia April lepas dan menjadi tanggungjawab



PENERIMA Anugerah Graduan Terbaik Keseluruhan Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) Mohd Shah Safiq (dua dari kanan) bersama isterinya Nurul Asyikin Samsuri, 24, (dua dari kiri) dan ibu bapanya.

Bukti usahawan tani bukan kerja 'kampung'

saya membantu keluarga," katanya pada majlis Konvokesyen UCAM ke-20 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, kelmarin.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian UCAM itu menerima Anugerah Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah pada konvokesyen berkenaan berikutan

» INFO

Mohd Shah Safiq mampu menjana pendapatan lebih RM10,000 sebulan dengan mengusahakan tanaman pelbagai sayuran di tanah seluas 4.04 hektar di Batu Kikir, Jempol.

Mohd Shah Safiq menjalankan pertanian secara berkelompok di tanah kerajaan. Antara kaedah moden yang digunakan ialah dron serta teknologi lain untuk memastikan produktiviti berjalanan lancar.

Mohd Shah Safiq mengusahakan tanaman sayur secara fertisasi dan konvensional sejak tahun lalu dibantu lima pekerja asing

Katanya, antara tanaman berkenaan ialah bendi, sawi, terung dan mamon yang mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan di negeri ini.

"Semasa di UCAM, saya belajar berdiskari mencari pendapatan tambahan seperti menjual barangan pakaiannya dan dari situ saya belajar cara berniaga," katanya yang berhasrat mengembangkan perniagaannya dengan membuka kilang makanan atau menceburi bidang ternakan.



TIMBALAN Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang (kanan) menyampaikan Anugerah Graduan Terbaik Keseluruhan kepada Mohd Shah Safiq.